



JABATAN PENDIDIKAN WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

Kementerian Pendidikan
Aras 7, Lobi 2, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya

Tel : 03-8889 0000
Faks : 03-8890 3085/3087
Laman Web : <http://jpwpp.moe.gov.my>

Rujukan Kami: JPWPP.600-3/2/1 Jilid 6 (50)

Tarikh : 2 Jun 2023

Pengarah
Petrosains, The Discovery Center
Petrosains Sdn. Bhd.
Tingkat 4, Suria KLCC
Menara Berkembar Petronas
50088 Kuala Lumpur

Puan,

MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN PROGRAM DAN PELIBATAN MURID BAGI MENYERTAI PETROSAINS RBTX CHALLENGE 2023

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya (JPWPP) telah meneliti permohonan puan berhubung perkara di atas dan **tiada halangan** kepada pihak puan untuk menganjurkan **Petrosains RBTX Challenge 2023**.

3. Oleh hal yang demikian, kelulusan ini juga adalah tertakluk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 5 Tahun 2018 - Garis Panduan Perwakilan Kuasa Daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Dan Guru Kepada Pendaftar Bagi Kelulusan Permohonan Oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia. Aspek kebajikan dan keselamatan murid hendaklah diutamakan seperti yang terkandung dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 8/2009 dan Bilangan 7/1988. Sehubungan dengan itu, pihak puan perlu memastikan syarat-syarat berikut adalah dipatuhi:

- 3.1 Mendapat kebenaran dan perbincangan daripada Pengetua dan Guru Besar sekolah yang terlibat dalam pelaksanaan program ini;
- 3.2 **Surat kelulusan ini tidak boleh digunapakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan dari mana-mana pihak berkenaan;**
- 3.3 **Penyertaan murid dan guru hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) mereka;**
- 3.4 Pihak sekolah tidak boleh dipaksa untuk menerima program yang ditawarkan oleh pihak tuan;
- 3.5 Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan murid yang terlibat dengan program ini;
- 3.6 **Tiada implikasi kewangan kepada Jabatan Pendidikan Negeri, sekolah, guru dan murid yang terlibat;**
- 3.7 Pihak penganjur dilarang untuk mempromosikan sebarang program/aktiviti luar sekolah yang melibatkan bayaran;

MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN PROGRAM DAN PELIBATAN MURID BAGI MENYERTA PETROSAINS RBTX CHALLENGE 2023

Rujukan Kami: JPWPP.600-3/2/1 Jilid 6 (50)

Tarikh : 2 Jun 2023

3.8 Pihak penganjur dimohon agar mengemukakan satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari selepas pelaksanaan program tersebut; dan

3.9 **Jabatan ini berhak menarik balik kelulusan ini sekiranya pihak tuan gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar Kementerian Pendidikan Malaysia yang sedang berkuatkuasa serta tidak mematuhi garis panduan KPM, MKN dan KKM.**

4. Kelulusan ini hanya untuk tujuan yang dimohon sahaja dan akan luput selepas **26 Oktober 2023**. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini boleh hubungi **Puan Maizatul Arzia binti Omar (JPWPP)** melalui talian **017-321 1880**.

Kerjasama dan sokongan puan berhubung perkara di atas amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“HEBATKAN PUTRAJAYA”**

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR FARIZA BINTI MOHD IDRIS)

b.p. Pengarah

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya

Nariza/ Pengurusankokurikulum